



Polisi  
Universiti Sains Malaysia  
**Bebas Tembakau**  
**2012**  
[Pindaan 2022]



Polisi  
Universiti Sains Malaysia  
**Bebas Tembakau**  
2012  
[Pindaan 2022]



## KANDUNGAN

1.0 Pengenalan	1
2.0 Definisi	1
3.0 Pelaksanaan dan Penguatkuasaan	2
4.0 Aplikasi Polisi USM Bebas Tembakau	3
5.0 Kawasan Larangan Merokok	3
6.0 Pengiklanan, Promosi, Pemasaran, Pengedaran dan Penjualan Produk Tembakau, Bahan Merokok, Produk Pengganti Tembakau dan Peranti Merokok	4
7.0 Pembiayaan Penyelidikan dan Biasiswa Pelajar	4
8.0 Tajaan/Pemberian Hadiah dan Kerjasama Dengan Industri Tembakau	4
9.0 Pelaburan Kewangan Dengan Industri Tembakau	4
10.0 Karnival Kerjaya dan Pengambilan Pelajar	4
11.0 Perkhidmatan Berhenti Merokok	4
12.0 Peranan dan Tanggungjawab	4
13.0 Semakan Semula Polisi Ini	5

## 1.0 PENGENALAN

Polisi ini yang dikenali sebagai **Polisi USM Bebas Tembakau 2012** [Pindaan 2022] (selepas ini disebut sebagai "Polisi ini") diwujudkan oleh USM atas kesedaran akan tanggungjawabnya untuk melindungi kesihatan para pelajar dan staf dengan menyediakan persekitaran kampus yang selamat, sihat dan bebas tembakau atau sebarang bahan merokok. Kajian saintifik membuktikan bahawa penggunaan tembakau dan bahan merokok lain secara amnya termasuk merokok dan menghidu asap rokok basi adalah berbahaya dan memudaratkan kesihatan. Menyedari hakikat ini, USM berhasrat mewujudkan, melaksanakan dan menguatkuasakan Polisi ini di dalam kampus selaras dengan peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil-Hasil Tembakau 2004 (Akta Makanan 1983) yang antara lain menyenaraikan institusi pendidikan tinggi sebagai salah satu daripada kawasan-kawasan yang digazetkan sebagai kawasan larangan merokok.

USM memilih untuk melaksanakan Polisi Bebas Tembakau kerana ianya lebih komprehensif berbanding Polisi Bebas Asap Rokok sahaja. Polisi Bebas Tembakau lebih luas kawalannya berbanding Polisi Bebas Asap Rokok dengan meliputi penguatkuasaan kawasan larangan merokok dan ditambahbaik dengan pelbagai aspek kawalan tembakau lain seperti larangan ke atas sebarang bentuk penggunaan, promosi, pengiklanan dan penjualan semua jenis produk tembakau termasuk larangan menerima penajaan dan menjalin kerjasama dengan industri tembakau. Polisi ini juga selari dengan saranan Konvensyen Rangkakerja Kawalan Tembakau (*Framework Convention on Tobacco Control, FCTC*), satu perjanjian yang telah ditandatangani oleh kerajaan Malaysia di peringkat antarabangsa pada 16 September 2005.

## 2.0 DEFINISI

Untuk tujuan Polisi ini, perkataan-perkataan serta ekspresi-ekspresi berikut, kecuali dinyatakan sebaliknya, akan mempunyai maksud seperti yang dinyatakan di sini:

"USM"	bermaksud Universiti Sains Malaysia;
"bahan merokok"	bermaksud apa-apa bahan atau kombinasi propilena glikol, gliserol atau triethilena glikol yang digunakan untuk merokok termasuk bahan yang terkandung di dalamnya dan/atau disambung atau telah dipasangkan bersama peranti merokok, tetapi tidak termasuk apa-apa produk perubatan yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366] atau Peraturan Kawalan Ubat-Ubatan dan Kosmetik (1984);
"bebas tembakau"	bermaksud persekitaran yang bebas daripada asap rokok dan bebas juga daripada sebarang bentuk pengiklanan, promosi, penajaan, penjualan dan penggunaan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok;

"industri tembakau"	bermaksud pengilang tembakau, pengedar borong dan pengimpot produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok;
"kampus"	bermaksud sepertimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan 2012) (Akta A 1433);
"merokok"	bermaksud menyedut dan menghembus asap atau wap apa-apa hasil tembakau atau apa-apa terbitan atau pengganti tembakau, dan termasuklah memegang dan mempunyai kawalan ke atas apa-apa hasil tembakau yang bernyala, dipanaskan atau diwapkan;
"penajaan tembakau"	bermaksud sebarang bentuk sumbangan kepada sebarang acara, aktiviti atau individu dengan tujuan, memberi kesan atau berkemungkinan memberi kesan untuk mempromosi produk tembakau atau penggunaan tembakau sama ada secara langsung atau tidak langsung;
"pengiklanan dan promosi tembakau"	bermaksud sebarang bentuk komunikasi secara komersil, saranan atau tindakan dengan tujuan, memberi kesan atau berkemungkinan memberi kesan untuk mempromosi produk tembakau atau penggunaan tembakau sama ada secara langsung atau tidak langsung;
"produk pengganti tembakau"	bermaksud apa-apa produk selain produk tembakau dalam apa jua bentuk yang digunakan untuk merokok;
"peranti merokok"	bermaksud apa-apa peranti elektronik atau peranti lain termasuk <i>hookah</i> yang digunakan untuk memanaskan, mengewap atau membakar produk tembakau atau bahan merokok untuk tujuan merokok;
"produk tembakau"	bermaksud apa-apa hasil yang mengandungi keseluruhannya atau sebahagiannya tembakau yang dipotong, dicarik atau dikilang, atau apa-apa terbitan atau pengganti tembakau, yang digulung atau dibalut di dalam kertas, daun tembakau atau apa jua bahan;

### 3.0 PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN

Polisi ini akan dilaksanakan dan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1 Disember 2022.

## **4.0 APLIKASI POLISI USM BEBAS TEMBAKAU**

- 4.1 Polisi ini adalah terpakai kepada sesiapa sahaja yang memasuki kawasan kampus termasuk staf, pelajar, kontraktor, penyewa, dan semua pelawat yang mengunjungi USM. Antara objektif Polisi ini adalah:
- a) menjadikan USM kawasan bebas asap rokok;
  - b) melarang sebarang pengiklanan, penajaan, pengedaran dan penjualan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok;
  - c) melarang penerimaan pembiayaan daripada industri tembakau untuk projek-projek penyelidikan dan biasiswa pelajar; dan
  - d) melarang penerimaan tajaan atau pemberian hadiah daripada industri tembakau.
- 4.2 Mana-mana individu yang didapati melanggar peruntukan larangan merokok Polisi ini akan diberi teguran dan peringatan mengenai Polisi ini oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau anggota Jabatan Keselamatan USM. Pemantauan dan penguatkuasaan peruntukan larangan merokok Polisi ini akan dilaksanakan oleh penguatkuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sebarang laporan pelanggaran Polisi ini boleh dilaporkan terus kepada KKM.

## **5.0 KAWASAN LARANGAN MEROKOK**

- 5.1 Semua tempat di dalam kampus diisytiharkan sebagai kawasan larangan merokok, termasuk:
- a) semua bangunan tertutup (termasuk bilik kuliah, bilik tutorial, makmal, ruang pejabat, tempat bekerja, tempat belajar, ruang tamu, bilik mesyuarat, ruang legar, koridor, ruang tangga, lif, ruang makan, dan tandas);
  - b) semua kawasan separa tertutup (termasuk laluan bertutup, laluan antara bangunan, dan tempat menunggu bas, kawasan sebelah pintu masuk bangunan, ruang patio, kafe, dan ruang tangga di luar bangunan);
  - c) semua kawasan terbuka di dalam kampus;
  - d) semua tempat penginapan di dalam kampus;
  - e) semua kenderaan yang dimiliki oleh USM atau disewakan kepada USM; dan
  - f) semua kenderaan persendirian yang dipandu atau diparkir di dalam kawasan kampus.
- 5.2 Seluruh kawasan kampus adalah kawasan larangan merokok tanpa pengecualian.

## **6.0 PENGIKLANAN, PROMOSI, PEMASARAN, PENGEDARAN DAN PENJUALAN PRODUK TEMBAKAU, BAHAN MEROKOK, PRODUK PENGGANTI TEMBAKAU DAN PERANTI MEROKOK**

USM tidak membenarkan sebarang pengiklanan, promosi, pemasaran, pengedaran dan penjualan produk-produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok dalam sebarang bentuk (termasuk item yang mengandungi logo pengeluar atau jenama rokok) di dalam kawasan kampus atau dalam semua acara yang dianjurkan oleh USM.

## **7.0 PEMBIAYAAN PENYELIDIKAN DAN BIASISWA PELAJAR**

USM tidak akan menerima pembiayaan untuk projek-projek penyelidikan atau geran atau biasiswa pelajar atau lain-lain bahan yang ditawarkan secara langsung atau tidak langsung daripada industri tembakau.

## **8.0 TAJAAN/PEMBERIAN HADIAH DAN KERJASAMA DENGAN INDUSTRI TEMBAKAU**

USM tidak membenarkan mana-mana staf atau pelajar yang mewakili USM menerima tajaan, pemberian/hadiah percuma atau melibatkan diri dalam sebarang kerjasama secara langsung atau tidak langsung dengan industri tembakau termasuk kerjasama komuniti.

## **9.0 PELABURAN KEWANGAN DENGAN INDUSTRI TEMBAKAU**

Strategi-strategi pelaburan yang melibatkan industri tembakau sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah dilarang.

## **10.0 KARNIVAL KERJAYA DAN PENGAMBILAN PELAJAR**

USM tidak membenarkan mana-mana industri tembakau mengambil bahagian dalam karnival kerjaya atau lain-lain aktiviti pengambilan pelajar.

## **11.0 PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK**

USM menyediakan perkhidmatan berhenti merokok di dalam kampus iaitu Klinik Berhenti Merokok. Pelajar dan staf berstatus perokok akan dinasihatkan supaya berhenti merokok dan akan dirujuk ke Klinik ini.

## **12.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

- 12.1 Ketua PTJ bertanggungjawab untuk memaklumkan, melaksana dan menguatkuasakan Polisi ini kepada semua staf dan pelajar PTJ masing-masing.
- 12.2 Jabatan Keselamatan USM bertanggungjawab memastikan Polisi ini dipatuhi dengan memantau, memberi peringatan dan menerima laporan tentang pelanggaran peruntukan larangan merokok Polisi ini.

- 12.3 Jabatan Pembangunan USM bertanggungjawab untuk menyelenggara semua papan tanda larangan merokok. Jabatan ini juga bertanggungjawab memaklumkan kepada kontraktor pembinaan mengenai larangan merokok di dalam kampus.
- 12.4 Papan tanda larangan merokok mestilah dipamerkan dengan jelas di semua pintu masuk kampus dan tempat-tempat strategik di dalam kampus termasuk di dalam bangunan.
- 12.5 Semua pengusaha tempat makan/kafe/kantin di dalam USM ("Premis Makanan") hendaklah memastikan tiada seorang pun merokok di dalam Premis Makanan masing-masing. Pengusaha Premis Makanan boleh menghubungi Jabatan Keselamatan USM sekiranya terdapat individu yang merokok di Premis Makanan mereka untuk tindakan lanjut oleh Jabatan Keselamatan.

### **13.0 SEMAKAN SEMULA POLISI INI**

Polisi ini akan disemak semula setiap tiga (3) tahun selepas tarikh pelaksanaan untuk memastikan Polisi ini kekal berkesan dan terkini.



## PIHAK BERKUASA

Pemilik Polisi/Policy Custodian	Pusat Kajian Kelestarian Global, Universiti Sains Malaysia
Pegawai Bertanggungjawab/ Responsible Policy Officer	Prof. Dr. Adam Husein Ahli Jawatankuasa Penilaian Semula Polisi Bebas Tembakau, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, USM adamkck@usm.my
Diluluskan oleh/Endorsed by	Majlis Kelestarian Universiti (MKU)
Dipinda/Amended on (Sekiranya relevan)	30 April 2021
Tarikh Kuatkuasa/Effective Date	7 November 2022
Pihak Yang Boleh dihubungi untuk Pertanyaan/ Contact for Queries about the Policy	PM Dr Mohd Wira Mohd Shafiei Pengarah Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS) dir_cgss@usm.my  Muzalifah Azmi Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS) muzalifah@usm.my

## SENARAI JAWATANKUASA SEMAKAN POLISI BEBAS TEMBAKAU USM 2021

### Pengerusi

Profesor Dr. Adam Husein	Pusat Pengajian Sains Kesihatan
--------------------------	---------------------------------

### Ahli-ahli

Profesor Dr. Nik Soriani Yaacob	Pusat Pengajian Sains Perubatan
Profesor Madya Dr. Saidatulakmal Mohd	Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Profesor Madya Dr. Balamurugan Tangiisuran	Pusat Racun Negara
Profesor Madya Dr. Aziah Ismail	Institut Penyelidikan Perubatan Molekul
Profesor Madya Dr. Aziah Daud	Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Ts Dr. Mohamed Azlan Ashaari	Jabatan Keselamatan
Tuan Syed Yusof Syed Kechik	Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat
Puan Azian Saiiya	Pejabat Perundangan Universiti
Encik Muzani Omar@Mansor	Pejabat Pengarah Kampus Kesihatan
Encik Mohammad Zaip Ahmad	Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Dr. Khairul Anuar Che Azmi	Pejabat Perundangan Universiti
Dr. Normala Abdul Wahid	Pusat Sejahtera
Sulastri Samsudin	Pusat Racun Negara
Adilah Mohamed Ariff	Pusat Racun Negara

### Setiausaha

Encik Mohd Abdul Muin Md Akil	Pusat Kajian Kelestarian Global
-------------------------------	---------------------------------



## Polisi USM Bebas Tembakau 2012 [Pindaan 2022]



Pusat Kajian Kelestarian Global  
Aras 5, Perpustakaan Hamzah Sendut,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang.

Tel: +604 653 2461 / 5429 / 4165

Faks: +604 653 5273

Emel: [dir\\_cgss@usm.my](mailto:dir_cgss@usm.my)